

NO. SOALAN: 135

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6984

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menerbitkan satu Kertas Putih mengenai sekumpulan pengganas Al-Qaeda yang telah ditangkap di Malaysia semasa mereka merancang untuk menyerang kedutaan tertentu di India baru-baru ini. Adakah Malaysia menjadi pangkalan haram bagi pengganas tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Kerajaan memandang serius terhadap kejadian pengganas Al-Qaeda yang telah ditangkap di Malaysia baru-baru ini. Sesungguhnya kumpulan-kumpulan pengganas seperti ini perlu dibanteras dari segi aktiviti mahupun fahaman mereka daripada menular ke dalam Negara. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menerbitkan satu Kertas Putih mengenai penangkapan anggota kumpulan Al-Qaeda di Negara kita kerana perkara ini masih di dalam siasatan pihak Polis.

Kenyataan bahawa Malaysia menjadi pangkalan haram bagi pengganas tersebut sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Jelutong adalah tidak benar. Dalam hubungan ini, semua pihak perlu faham bahawa Malaysia bukannya sebagai pangkalan pergerakan pengganas tetapi sebagai transit ke Negara-negara ketiga. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama serta bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar khususnya negara-negara ASEAN bagi membanteras kegiatan ini kerana kita tidak boleh menjangka tindak tanduk mereka yang boleh menyerang negara kita pada bila-bila masa sahaja.